

CVSKL, IMC tandatangani MoU untuk latihan kejururawatan

CARDIAC Vascular Sentral Kuala Lumpur (CVSKL) dan The International Medical College (IMC) menandatangani menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meningkatkan tahap akademik, kemahiran, latihan dan pembangunan profesional untuk kedua-dua pihak.

Kerjasama ini akan memberi pelajar kejururawatan tempat bagi latihan amali selama

tiga bulan untuk penyakit kardium dan vaskular.

MoU itu ditandatangani oleh Pengarah Perubatan CVSKL Datuk Dr Sharifah Suraya Syed Mohd Tahir dan Ketua Pegawai Eksekutif IMC, Christy Chiu Lai Heng di Kuala Lumpur, Jumaat lalu. Ia disaksikan Pengerusi CVSKL Tan Sri Dr Yahya Awang dan Ketua Program Kejururawatan IMC Ng Kok Toh.

Dr Yahya berkata program latihan itu adalah

sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk memberikan pengalaman industri kepada penuntut IMC menerusi penempatan klinikal di CVSKL.

"Kami tidak mempunyai sasaran untuk bilangan pelajar tetapi kami berharap untuk menyumbang pengetahuan kami dan berkongsi pengalaman kerana kami adalah pakar dalam penyakit kardium dan vaskular," katanya.

Sementara itu, Chiu berkata kerjasama ini akan melengkapkan inspirasi IMC untuk menawarkan program latihan kejururawatan khas kepada jururawat dan profesional kesihatan bersekutu.

CVSKL ialah sebuah hospital yang mengkhususkan kepada penjagaan kesihatan moden yang lengkap untuk pesakit yang menghidap penyakit kardium dan vaskular. — Bernama